

DOCX.MY

BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT



www.docx.my



DOCX.MY

SENANG DOWNLOAD

KONTROVERSI PELABURAN TRW, INDIVIDU TAMPIL BONGKAR SESUATU?



Zam Bob

18 h · 🌐

SURAT TERBUKA BUAT PEMINAT TRW
DAN PELEBUR-PELEBUR SAHAM TRW
SEKALIAN..

[PELABUR TRW KINI LEBUR RM 16.7
JUTA, DAH MELUAT DENGAN
ZAMSAHAM!]

Tular di media sosial Facebook dengan dakwaan seorang yang dikenali " Zam Bob" telah mengeluarkan kenyataan yang menggemparkan apabila kenyataan beliau terbabit dengan pelaburan yang melibatkan pasukan bolasepak Kelantan yang di bawah zamsaham.

Zam Bob telah mengkhabarkan bahawa pelabur TRW kini lebur sebanyak RM16.7 juta. Ini adalah satu kenyataan yang mengejutkan orang ramai.

Walaupun bagaimanapun kalau ini tidak dapat disahkan lagi dan kemungkinan ianya adalah dakwaan semata-mata kerana pemilik akaun tersebut juga merupakan akaun yang baharu dicipta ataupun palsu.

BERIKUT ADALAH DAKWAAN KENYATAAN ZAMBOB MENGENAI KONTROVERSI PELABURAN TRW;

SURAT TERBUKA BUAT PEMINAT TRW DAN PELEBUR-PELEBUR SAHAM TRW SEKALIAN..

[PELABUR TRW KINI LEBUR RM 16.7 JUTA, DAH MELUAT DENGAN ZAMSAHAM!]

.
.

Pssst.. Kalau korang nak tahu, Dato Vee nak beli RM2-3 Juta je.. Tapi Zamsaham sombong, nak jual RM20 juta.. Merepek! Inilah agaknya sebab nak jual sampai RM20 juta, nak cover duit orang yang dah lebur. Dato Vee mesti la anggap benda ni tak logik, lantas bangun dan terus blah dari discussion.

.
.

Salam peminat sukan seluruh Malaysia. Saya ingin mendedahkan situasi sebenar yang berlaku dalam TRW FC. Let's spill the tea! Ready popcorn guys.

Scam & Skim pelaburan TRW FC. Ini adalah cerita dibalik tabir kenapa TRW FC dilanda MASALAH!

.
.

Pada tahun 2020, Zamsaham beria-ia kutip duit pelabur dalam kalangan pelabur (terutama daripada peserta kelas saham) untuk membeli TRW melalui satu syarikat milik zamsaham sendiri iaitu MRI VC Berhad. Dalam tempoh sebulan, kutipan ini sudah mencecah lebih RM 5 Juta. Box Office, pecah panggung! .

.

Para pelabur dijanjikan pulangan besar apabila syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia (IPO) nanti. Janji MANIS dibuat bagi meyakinkan pelabur di dalam 'group' tersebut. Zamsaham turut mengambil duit pelabur walaupun sekecil RM 3,000 bagi tujuan ini.

.
.

Hal ini jelas melanggar undang-undang pelaburan di Malaysia! .

.
.

"Hello SC, boleh ke ambil RM3,000 untuk pelaburan? Bukan ada minimum RM50,000 ke? Tolong check TRW ni."

.
.

Zamsaham telah menunjuk-nunjuk pembelian TRW FC kononnya menggunakan duit sendiri di media. Sedangkan keseluruhan wang tersebut adalah hasil kutipan daripada pelabur-pelabur (tapi hanya siapa yang tahu je tahu). #ytjt Nah SSM pelabur-pelabur TRW, public record. Lihat bagaimana 'game' saham ini berlangsung.

.
.

Duit yang dipindahkan untuk pembelian TRW FC adalah daripada MRI VC Berhad (boleh disahkan dengan KAFA).

.
.

Satu unit pelaburan khas ditubuhkan oleh Zamsaham iaitu bahagian "Shares Operation", telah diarahkan untuk mendaftar sebuah Syarikat Berhad dibawah nama THE RED WARRIORS FC BERHAD (TRW FC BERHAD). Unit pelaburan ini perlu mendapatkan tandatangan kesemua pelabur untuk dipindah milik sebagai pemegang saham TRW FC BERHAD.

.
.

Namun bagi mempercepat proses pendaftaran TRW FC Berhad tersebut, Zamsaham MENIRU TANDATANGAN pelabur-pelabur ini. Satu jenayah terancang, pemalsuan dokumen pelaburan. Dahsyat bukan? .

.

.
Nak daftar di SSM, perlulah tandatangan sah bagi setiap perjanjian pelaburan, tapi sebab nak cepat, hentam sajalah labu. Boleh tanya pelabur, adakah mereka tandatangan "term sheet" pemindahan dari MRI VC Berhad ke TRW FC Berhad?

.

Kebanyakan pelabur tidak sedar dan mungkin teruja dengan berita take-over pada ketika itu, namun selepas itu pelabur-pelabur ditenangkan dengan "shares certificate" atas nama masing-masing. Mereka telah dinamakan sebagai pemegang saham dalam TRW FC Berhad. Ada yang sehingga hari ini masih tak terima dokumen pelaburan sah mereka. Aku tanya apa khabar...

.
.

Selepas ambil alih TRW, pada pusingan pertama kutipan dana TRW, Zamsaham mendaftarkan kesemua pelabur dengan pemilikan kurang dari 20% dan selebihnya 'saham kosong' didaftarkan di bawah nama Zamsaham dan syarikat MRI VC Berhad.

.
.

Walaupun pada hakikatnya, dia tidak mengeluarkan duit walau sesen pun untuk saham tersebut! Berpuluh juta duit pelabur dikutip secara berterusan sehingga satu ketika.....DUIT HABIS!! (Dipertengahan musim liga perdana 2021 berlangsung)

.

.
.

Rujuk gambar : Zam mempunyai unit 2 juta lebih, pelabur lain cuma ribu atau puluh ribu unit. Katanya nak "dilute" share pada setiap pusingan pelaburan. Inilah modus operandinya, tanpa modal tp kutip berjuta-juta. Tapi pelik sungguh, kenapaaaa dia takut sangat nak bentangkan audit kewangan!

.
.

Zamsaham telah kehabisan dana dan mencari mangsa-mangsa baru. Zamsaham tidak berhenti-henti berusaha mengutip pelaburan lagi atas nama "Pre-IPO" kerana sangat terdesak dan memerlukan duit segera bagi menampung kos operasi syarikat dan refund yang diminta oleh pelabur yang mula marah. Gali lubang, tutup lubang.

DUIT HABISS, TAPI LAPORAN KEWANGAN TAK DIBENTANGKAN? BAGAIMANA DUIT PELEBUR-PELEBUR INI DIBELANJAKAN? eh silapp.. pelabur. .

.

.

"Hello SSM, tutup sebelah mata ke, pelabur dah complain dari tahun lepas, berapa banyak dah report dah dibuat tanpa tindakan susulan? AGM tiada, Audit tiada."

.

.

.

Kemudian, modus operandi pada pusingan kedua, akibat tidak sabar dan perlukan duit cepat. 'SAHAM SEGERA' mula ditawarkan pada Mei 2021 tanpa pengetahuan pelabur sedia ada.

.

.

Lihat dokumen dibawah, pemilikan yang ditawarkan lebih kurang 10% sahaja ketika TRW FC gah mendaki puncak Liga Perdana. Kemenangan demi kemenangan dijaja untuk kutip duit dahulu, undang-undang belakang kira.

"Hello Polis, tengok ni ada scammer!". .

.

.

Pelabur lain pula ditipu lebih jutaan ringgit lagi dengan dokumen tidak sah. Pada penghujung September 2021, pelabur sedia ada dimaklumkan tentang penawaran saham ini melalui satu EGM tergesa-gesa kerana ingin menggunakan duit yang telah dikutip itu.

Wow! Belum habis cerita ini... Menjelang masuk ke LIGA SUPERRRR 2023! Muncul nilai peleburan RM3 Juta, Tapi mana cukup. Sebab 'director fee' tak pernah declare berapa kan??

.
.

Masalah demi masalah melanda kem TRW akibat kerakusan modus operandi ini, tiada lagi pelabur baru percaya dengan "saham" TRW. Pelabur juga telah menghantar surat rasmi setiap tahun kepada kelab bagi meminta Zamsaham untuk kemukakan Laporan Audit Kewangan TRW FC Berhad. Namun jawapan yang diterima adalah, "Nanti, Nanti dan Nantiiii.....".

.
.

Terdapat juga pelabur yang dimarahi kerana bertanya mengenai perkara ini dan di"block" terus.

Sekiranya tiada penyelewangan, kenapa Zamsaham takut untuk kemukakan AUDIT KEWANGAN SYARIKAT. Surat juga dihantar kepada setiausaha syarikat meminta AGM diadakan, namun tiada tindakan diambil. Adakah mereka juga bersekongkol?

.
.

Setakat hari ini, fakta dari SSM menyatakan ini adalah jumlah pelaburan yang dikutip daripada pelabur! Dengan taktik muslihat dan musibat, Zamsaham meletakkan 'saham kosong' untuk dirinya bernilai RM36 juta. Syarikat MRI VC Berhad yang juga milik Zamsaham memiliki 'nilai atas kertas' saham RM 4.3 Juta.

.
.

JUMLAH PELABURAN PELABUR-PELABUR YANG TELAH LEBUR ADALAH SEBANYAK RM 16.7 JUTA SEJAK DARI 2020. Fuhhh!

.
.
.

Berapa duit Zamsaham keluarkan untuk TRW FC?! RM 0! Berapa duit pelabur dikutip dan dibelanjakan?! RM16.7 Juta! Berapa duit yang

masuk ke dalam poket Zamsaham sebagai Pengarah Urusan dalam tempoh 3 tahun ni??? Bila diminta audit kewangan, apa kata Zamsaham?! Nanti... (Jawapan sama sejak 2 tahun lepas) .

.
.

Zamsaham sedar kesilapan dan penipuan ini hampir terbongkar. Zamsaham menekan mental pemain-pemain TRW dengan tidak membayar gaji dengan harapan pemain akan menamatkan kontrak sendiri. Jadi, pemain yang akan dikenakan penalti. Walhal yang sebenarnya, tiada lagi pelabur (mangsa baru) yang masukkan duit untuk dileburkan. .

.
.

. "Malu weyh hh kes coach korea, fadel, belfort, shamil... Coach Rezal.. " tapi bukan duit dia kan, apa dia kesah. Fans yang malu, maruah macam disiat-siat. Pelabur-pelabur yang selamatkan TRW suatu ketika dahulu, bukan Zamsaham. Duit dia tiada pun.

.
.

Zamsaham menggunakan taktik sama kepada pelabur iaitu tekanan mental. Zamsaham ingin menamatkan urusan dengan taktik "SUKA SAMA SUKA" atau "Kan dah bagitahu risiko pelaburan pada awal dulu". Zamsaham ingat pelabur-pelabur bodoh?

.
.

ZAMSAHAM JUAL TRW? Pastilah ingin menutup lubang "pelabur" yang besar, yang kini menuntut semula semua duit mereka. Janji MANIS ibarat menanam tebu ditepi bibir jelas, gagal! Tiada lagi pelabur baru nak masuk.

.
.

ZAMSAHAM TIDAK TELUS & TIDAK JUJUR DALAM MENGURUSKAN TRW FC! ZAM OUT!! KAU TAK LAYAK PIJAK BUMI KELANTAN.

.
.

Banyak laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa, POLIS, SC & SSM mengenai Zamsaham. Kita tunggu hasil siasatan....

.
.
Ada saudara mara yang duit mereka sama lebur dengan scam ini, tag mereka dan laporkan terus pada agensi diatas.

AWAS, Zamsaham masih berleluasa dengan cubaan mengutip dana.
BERHATI-HATI!

.
.

Inilah kepincangan sebenar melanda kelab TRW FC yang disayangi rakyat kelantan. Ini menyebabkan ZAMSAHAM terdesak dan nak menjual kelab ini. Tiada pelabur yang percaya lagi.

.
.
p/s : Awas. Jangan di-'scam' oleh "SAHAM KOSONG" ini. Lebih baik terkubur dari lebur. Pedas & Pedih. TRW pasti bangkit dengan orang yang benar-benar cintakan Bola Sepak.

.

.
Berikut adalah TINDAKAN ZAMSAHAM yang boleh dinilai sendiri: .

1) TIADA AGM THE RED WARRIORS FC BERHAD SEJAK 2021.

.
2) TIDAK BENTANGKAN LAPORAN KEWANGAN SYARIKAT KEPADA PELABUR LEBIH 2 TAHUN BERTURUT-TURUT.

.
3) ZAMSAHAM TIDAK KELUARKAN DUIT WALAUPUN SESEN UNTUK BELI TRW 2020, JIKA ADA MINTA ZAMSAHAM BUKTIKAN.

.
4) KUTIP LEBIH RM 5 JUTA DUIT PELABUR UNTUK MEMBELI TRW PADA 2020, TAPI CLAIM KELAB TRW IBARAT DUIT POKET DIA SEPENUHNYA.

.
5) TIDAK PERNAH MENYATAKAN SECARA RASMI BERAPA "DIRECTOR FEE" DIAMBIL DARI KELAB WALAUPUN DIDESAK. SURAT JUGA TIDAK DIBALAS. ZAMSAHAM "BLOCK" PELABUR.

.
7) JUAL SAHAM TRW TANPA PENGETAHUAN PELABUR SEDIA ADA.
MASIH ADA PELABUR YANG TIDAK MENERIMA DOKUMEN
PELABURAN MEREKA SEHINGGA HARI INI.

.
.

🤪 IMPORT? GAJI PEMAIN? KWSP? SOCSO? Hanya cebisan dari skim pelaburan TRW FC Berhad.

.
.

Kalau korang nak tahu, Zam ni ada satu perangai suka ugut guna surat lawyer. Pekerja diberhentikan pun kena ugut surat lawyer, pemain-pemain TRW juga diugut surat lawyer. TAK PAYAH UGUT-UGUT, SEMBANG.

.
.

Selebihnya, ayuh netizen buat kerja. Gomo Kelate Gomo! Kalau pelabur dah keluar duit RM16.7 Juta bersamaan unit yang mereka ada. ZAMSAHAM juga perlu BUKTIKAN dia keluarkan sebanyak RM36 Juta bagi claim unit sebanyak yang dia ada.

.
.

Tapi? Boleh Zam buktikan mana duit RM36 Juta tu? Tiada, sebab ini semua modul operandi yang sebenar guna duit orang, tapi bila nak jual .. Semua duit masuk poket dia. Apa jadi pada duit pelabur-pelabur semua?

Tapi? Boleh Zam buktikan mana duit RM36 Juta tu? Tiada, sebab ini semua modul operandi yang sebenar guna duit orang, tapi bila nak jual .. Semua duit masuk poket dia. Apa jadi pada duit pelabur-pelabur semua?

The image shows a screenshot of the SSM (Syarikat Saham Malaysia) website. The main page displays corporate information for THE RED WARRIORS FC BERHAD. The information includes:

- Name:** THE RED WARRIORS FC BERHAD
- Last Old Name:** Nil
- Date of Change:** Nil
- Company Number:** 30206128302 (L384622-W)
- Incorporation Date:** 17-09-2020
- Registration Date:** Nil
- Type:** LIMITED BY SHARES, PUBLIC LIMITED
- Status:** EXISTING
- Registered Address:** SUIT 20-05, LEVEL 20, Q SENTRAL, 2A JALAN STESEN SENTRAL 2, KUALA LUMPUR SENTRAL, KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN, 50470
- Origin:** MALAYSIA
- Business Address:** LOT 384 WISMA ZARSAHAM, JALAN TERMINAL 2, SENAI CENTREPOINT, SENAI, JOHOR, 81400
- Nature of Business:** THE OPERATION OF SPORTS CLUBS SUCH AS FOOTBALL CLUB, BOWLING CLUB, SWIMMING CLUB

Below the corporate information, there are three sections showing shareholding details for various shareholders, including names, identification numbers, and share counts. The sections are titled "Shareholding Information" and "Shareholding Information".

TUNGGU RESPON PIHAK ZAM SAHAM

Berita ini belum dapat disahkan lagi tetapi kenyataan yang telah dikeluarkan ini amat menggemparkan kerana ia melibatkan kredibiliti seseorang dan pasukan Kelantan.

Walau bagaimanapun kita perlu menunggu respon rasmi daripada pihak zamsaham sendiri adakah ini benar atau sekadar tuduhan semakin. Selain itu diminta juga kepada orang ramai untuk tidak menimbulkan apa-apa spekulasi sendiri kerana ia masih belum disahkan lagi.